

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 10 MAC 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 36

### Kadar pengangguran semakin berkurangan

# Kadar pengangguran semakin berkurangan

**Bilangan** penganggur terus menurun kepada 680,400 orang pada Januari 2022, menjadikan kadar pengangguran di negara ini berada pada 4.2 peratus.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata tenaga buruh semakin baik pada Januari didorong oleh peningkatan berterusan dalam guna tenaga, manakala penganggur dalam trend menurun.

“Bilangan penganggur terus berkurang pada Januari 2022 kepada 680,400 orang, turun 1.1 peratus berbanding Disember 2021.

“Kadar pengangguran pada bulan itu kekal pada 4.2 peratus, manakala bilangan penduduk bekerja meningkat sebanyak 0.2 peratus kepada 15.69 juta orang, mencatatkan nisbah guna tenaga kepada penduduk yang lebih tinggi iaitu 66.2 peratus.

“Justeru, tenaga buruh meningkat sebanyak 0.2 peratus kepada 16.37 juta orang, seterusnya membawa kepada peningkatan kadar penyertaan tenaga buruh Januari kepada 69.1 peratus,” katanya dalam satu kenyataan dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Mohd Uzir berkata, situasi ini mencerminkan aktiviti ekonomi yang menggalakkan pada bulan pertama tahun ini berikutnya semua negeri berada dalam Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang membenarkan perniagaan terus beroperasi pada kapasiti penuh dengan waktu perniagaan

yang lebih panjang.

Mengenai kedudukan pasaran pekerjaan pada masa akan datang, beliau menjelaskan bahawa prospek ekonomi yang lebih optimis dijangka pada bulan-bulan akan datang digambarkan oleh Indeks Pelopor yang melebihi 100 mata secara berterusan dan meningkat pada Disember 2021.

Katanya, prospek yang positif ini akan mendorong kepada peningkatan dalam aktiviti perniagaan dan seterusnya akan mewujudkan lebih banyak permintaan buruh dalam ekonomi.

“Pewujudan lebih banyak peluang pekerjaan akan menggalakkan penyertaan buruh yang lebih ramai, sekali gus mendorong pasaran buruh untuk menjadi lebih rancak pada bulan-bulan yang akan datang,” katanya.

Mengikut sektor ekonomi, bilangan penduduk bekerja dalam perkhidmatan mencatatkan peningkatan bulan ke bulan yang berterusan terutama dalam aktiviti perkhidmatan makanan & minuman, perdagangan borong & runcit serta maklumat & komunikasi.

Trend yang sama juga dilihat dalam sektor pembuatan dan pembinaan dengan bilangan guna tenaga yang terus meningkat.

Sebaliknya, guna tenaga dalam sektor pertanian serta perlombongan & pengkuarian berada pada trend yang menurun sejak 18 bulan yang lalu.